

Kes digigit anjing meningkat

BH
29/9/15

Kuala Lumpur: Kes gigitan anjing pada manusia dan bilangan anjing yang dimusnahkan semakin meningkat berikutan penularan wabak penyakit anjing gila (rabies) di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Menurut kenyataan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, kes gigitan anjing pada manusia meningkat kepada 137 kes sehingga semalam, berbanding 133 kelmarin, dengan Pulau Pinang mencatatkan jumlah tertinggi (82), diikuti Perlis (34) dan Kedah (21).

2,669 anjing dimusnahkan

Di samping itu, 2,669 anjing dimusnahkan di tiga negeri terbabit yang diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies pada 17 September lalu. Sebanyak 1,624 anjing dimusnahkan di Kedah, 748 di Pulau Pinang dan 297 di Perlis.

Bilangan anjing yang divaksinkan setakat semalam pula kekal 2,570 ekor seperti kelmarin.

Menurut kenyataan itu, jabatan menggalakkan pemilik haiwan mengurung haiwan mereka di dalam kawasan rumah dan meningkatkan imuniti haiwan peliharaan terutamanya anjing.

Selain itu, jabatan turut mengawal populasi anjing liar dan menjalankan pemantauan di seluruh negara terutama bagi kes gigitan.

Tanda dijangkiti rabies

Rabies adalah sejenis penyakit zoonosis yang disebabkan Lyssavirus yang boleh menjangkiti manusia melalui luka gigitan oleh anjing yang dijangkiti rabies dan juga melalui luka di kulit manusia yang terdedah kepada air liur, cecair atau tisu tubuh daripada haiwan yang dijangkiti rabies.

Mereka yang dijangkiti rabies akan mengalami tanda klinikal seperti demam, sakit badan dan kepala, hidrofobia (takut pada air), lumpuh dan koma.

Penyakit ini juga boleh menyebabkan kematian pada manusia sekiranya tidak dirawat dengan segera.

Jika ada sebarang kemusykilan mengenai wabak rabies, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di talian 03-88702041 atau mana-mana Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri masing-masing.

BERNAMA